

08/10/1997

Perak sokong kepemimpinan PM

IPOH, Selasa - Kemampuan Datuk Seri Dr Ma-hathir Mohamad memulihkan kedudukan ekonomi tidak wajar diragui kerana beliau sudah membuktikan kebijaksanaannya, sejak menerajui kepemimpinan negara.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata kerajaan Perak memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri dalam menghadapi krisis ekonomi yang dialami negara sekarang.

"Kebijaksanaan Perdana Menteri terbukti sejak 15 tahun mengendalikan kepemimpinan negara, termasuk memulihkan kemelesetan ekonomi yang teruk pada 1980-an.

"Perak memberi sepenuh sokongan kepada Dr Mahathir dalam mengatasi keadaan ketika ini," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai laporan media asing yang mempersoalkan kewibawaan Perdana Menteri dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara ini.

(END)